

26/10/1998

Khidmat kesihatan dipertingkatkan

Sariha Mohd Ali

KUANTAN, Ahad - Peruntukan yang diterima Kementerian Kesihatan dalam Belanjawan 1999 akan digunakan bagi membina 144 hospital serta klinik desa di seluruh negara secara berperingkat pada tahun depan.

Selain itu, kementerian akan menambah kira-kira 4,000 kakitangan baru dalam usaha memberi perkhidmatan kesihatan terbaik kepada masyarakat.

Menteri Kesihatan, Datuk Chua Jui Meng, berkata projek baru itu akan diteruskan berikutan kementerian menerima peruntukan mencukupi menerusi Belanjawan 1999 yang dibentangkan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang juga Menteri Kewangan Pertama, Jumaat lalu.

Beliau berkata, kementerian menerima pertambahan peruntukan khusus bagi pentadbiran berjumlah RM3.6 bilion, meningkat 12.5 peratus berbanding tahun ini.

Katanya, pembangunan pula menerima peruntukan berjumlah RM900 juta, meningkat 28.5 peratus.

"Semua peruntukan itu membolehkan program pembangunan kesihatan yang dirancang kerajaan sebelum ini tidak terjejas walaupun negara mengalami kegawatan ekonomi.

"Kementerian menerima tambahan peruntukan menerusi Belanjawan 1999 dan ini membolehkan kita meneruskan program pembangunan kesihatan yang dirancang pada tahun depan.

"Pelaksanaan beberapa projek termasuk pembinaan 144 hospital dan klinik desa membuktikan kerajaan terus prihatin terhadap penjagaan kesihatan rakyat, malah kadar bayaran yang dikenakan pula lebih rendah berbanding hospital atau klinik swasta," katanya, di sini, hari ini.

Chua berkata, kementerian juga akan memastikan perkhidmatan kesihatan yang sempurna diberi kepada rakyat, manakala bilangan doktor dan ubat-ubatan pula mencukupi, selaras dengan pertambahan penduduk negara sekarang.

Ini kerana kajian kementerian mendapati bilangan orang ramai yang menerima perkhidmatan di hospital kerajaan semakin bertambah ketika kegawatan ekonomi negara berikutan kadar bayaran dikenakan adalah berpatutan.

"Kementerian akan mengekalkan kadar bayaran sedia ada, malah ia antara yang terendah di dunia.

"Selain itu, kita akan memastikan semua keperluan di hospital mencukupi dan langkah memberi perkhidmatan kesihatan sempurna kepada rakyat selaras dengan hasrat negara untuk melahirkan masyarakat yang sihat dan bebas daripada ancaman penyakit berbahaya," katanya.

Mengulas langkah kerajaan menaikkan cukai minuman keras dan rokok, beliau berkata, ia wajar dilakukan dalam usaha meningkatkan taraf kesihatan rakyat.

"Kita berharap kenaikan cukai minuman keras dan rokok akan mendorong mereka terbabit berhenti merokok atau minum minuman keras," katanya.

(END)